



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (16)

Tarikh: 2 Mac 2024

SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA MBPJ TAHUN 2024

Secara tradisinya, masyarakat Cina menyambut perayaan Tahun Baru Cina secara besar-besaran setiap tahun dan sangat meriah di Malaysia memandangkan kaum Cina merupakan populasi kedua terbesar di negara ini yang disambut bersama rakyat di negara ini selain Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas.

Jalinan kesalinghubungan antara kita sebagai satu masyarakat, di mana kepelbagaian dari segi warna kulit, etnik, mahupun fahaman agama serta praktis budaya bukan menjadi sesuatu elemen yang memisahkan kita. Sebaliknya, ini merupakan jalinan yang terus mengukuhkan kekuatan dan kebersamaan di antara kita.

Menjadi satu amalan bagi kita meraikan sambutan perayaan kaum lain secara bersama dalam suasana harmoni. Keharmonian inilah yang menjadi kunci kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Dengan adanya sambutan perayaan ini adalah diharapkan agar ianya dapat merapatkan lagi hubungan di antara pemimpin dengan masyarakat khususnya di Petaling Jaya serta memupuk persefahaman dalam masyarakat serta melambangkan keistimewaan budaya yang ada di negara ini terdiri dari pelbagai kaum dan menganuti pelbagai agama.

Kebersamaan ini menjadi asas yang membolehkan kita bukan sahaja hidup dalam keadaan aman dan harmoni, tetapi menyuburkan dan memeriahkan suasana di bandaraya Petaling Jaya dan negeri Selangor.

Nilai kebersamaan dan permuafakatan sedia ada pula, akan menyemarakkan lagi keunikan masyarakat majmuk kita sekali gus menyerlahkan imej



bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya kaya dengan warisan seni dan budaya.

Justeru, intipati yang telah digarap melalui pelan jangka masa panjang iaitu Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdayatahan 2030 (PJSSR 2030) memberi penekanan kepada perspektif mengangkat kebudayaan yang seringkali dilihat dalam konteks pencapaian peradaban dan tamadun dalam negara. Inilah yang menjadi kebanggaan kita di petaling jaya, yang menzahirkan khazanah warisan seni, adat serta budaya sebagai produk-produk tarikan pelancong yang ada di Petaling Jaya.

Sambutan perayaan Tahun Baharu Cina kali ini menampilkan pelbagai persembahan kebudayaan seperti tarian singa dan naga, persembahan orkestra cina, nyanyian, buskers, persembahan harmonika dan cabutan bertuah. Bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan ini, tradisi pemberian 'angpow' kepada kanak-kanak dan warga emas juga akan diadakan.

Antara pengisian lain yang disediakan, adalah program barang tukar kepada barangan, penyampaian hadiah kepada "*Couple Tower Hour Race MBPJ*" serta penyampaian barang "*Back To School*" sumbangan oleh Yayasan Chek Sin.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut layari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau kunjungi laman sosial Majlis (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter; Instagram: @pjcitycouncil atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (16)

Tarikh: 5 Mac 2024

MBPJ ANJUR PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ICT

Bertemakan “Digitalisasi Pemacu Transformasi Perkhidmatan” Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan Program Kesedaran Keselamatan ICT bermula pada 21 Feb 2024 hingga 8 Mac 2024.

lanya amat bersesuaian dengan arus pemodenan dan perkembangan era digitalisasi masa kini, serta halatuju MBPJ ke fasa menavigasikan era pendigitalan sejajar dengan matlamat PJSSR 2030 yang merupakan nadi utama panduan pembangunan bandar raya Petaling Jaya di masa hadapan.

Antara tujuan pelaksanaan program ini adalah bagi mematuhi standart pematuhan ISO/IEC 27001:2013 ISMS di mana salah satu objektif dari lima metrik pengukuran keberkesanan yang dibangunkan perlu selaras dengan objektif keselamatan maklumat Majlis iaitu memastikan program kesedaran keselamatan ICT ini dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali.

Antara aktiviti yang telah dan akan dijalankan sepanjang minggu kesedaran ini adalah seperti berikut:-

1. Pertandingan Amazing Running Chef ICT MBPJ 2024 yang disertai sebanyak 11 pasukan terdiri daripada kakitangan, rakan strategik ICT dan vendor terlibat;
2. Pertandingan rekacipta montaj dengan 9 penyertaan
3. Kuiz ICT;
4. Bengkel Kesedaran Keselamatan ICT; dan
5. Majlis Apresiasi Penutup Program Kesedaran Keselamatan ICT Tahun 2024.

MBPJ telah berjaya mendapatkan Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 ISMS daripada SIRIM QAS International selama 8 tahun dan tahun ini merupakan

tahun pertama Majlis akan melaksanakan Pensijilan MS ISO/IEC 27001:20122 *Information Security Management System* (ISMS).

Untuk makluman, MBPJ turut memperolehi pensijilan ABMS pada 28 April 2023 dan pada tahun ini, pensijilan audit pematuhan ABMS bilangan 1 (*Surveillance Audit 1*) akan diadakan pada 20-22 Mac 2024 nanti. Terdapat 120 risiko daripada 71 proses utama rasuah yang telah dikenalpasti dan didokumenkan.

Majlis juga telah membangunan Polisi Anti Rasuah dan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) yang mengandungi sebanyak 244 pelan tindakan daripada empat (4) bidang utama yang dikenalpasti dalam membangunkan OACP MBPJ ini.

Majlis akan terus kekal komited memastikan kepatuhan terhadap segala kriteria kawalan anti rasuah sepenuhnya agar pensijilan ABMS Majlis dapat dikekalkan dan diperbaharui setiap tahun oleh pihak SIRIM untuk mempertingkatkan imej majlis ke arah yang lebih baik.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (17)

Tarikh: 6 Mac 2024

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 DAN MAJLIS SANJUNGAN BUDI PESARA 2024

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023 Dan Majlis Sanjungan Budi Pesara Tahun 2024. Majlis ini turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iaitu YB. Dato' Setia Hj. Haris bin Kasim dan Datuk Bandar Petaling Jaya iaitu YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon.

Majlis ini diadakan secara tahunan bagi meraikan kejayaan yang diperolehi semasa melaksanakan tugas yang diberikan sepanjang tempoh bertugas di MBPJ. Objektif majlis ini adalah untuk memberikan pengiktirafan serta penghargaan kepada warga kerja MBPJ atas sumbangan serta pencapaian cemerlang kakitangan berdasarkan prestasi tahunan.

Sehubungan dengan itu, seramai 182 orang yang telah terlibat dalam anugerah ini dan terdapat empat (4) anugerah yang telah disampaikan bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja MBPJ yang telah memberikan sumbangan yang bermakna berdasarkan kategori-kategori seperti berikut :-

1. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Kakitangan Majlis : 146 orang
2. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan *Contract For Service* : 3 orang
3. Penerima Anugerah Khas Datuk Bandar : 4 orang
4. Pesara tahun 2024 : 28 orang



Bagi Anugerah Khas Datuk Bandar ini dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu Inovasi Perkhidmatan (Teknikal dan Pengurusan) dan Kepimpinan Inovatif.

Anugerah Khas Datuk Bandar bagi kategori Inovasi Perkhidmatan adalah penghargaan dan penghormatan kepada kakitangan yang telah memberikan sumbangan tenaga dan mencurahkan idea-idea dalam menghasilkan dan mencipta sesuatu justeru dapat memberikan impak yang positif kepada organisasi dan luar organisasi.

Manakala Anugerah Khas Datuk Bandar bagi kategori kepimpinan Inovatif adalah sebagai 'role model' dalam melaksanakan tugas yang membawa kepada kecemerlangan dalam bidang pengurusan organisasi.

Majlis ini turut meraikan pegawai dan kakitangan yang akan bersara tahun 2024 seramai 28 orang. Pegawai dan kakitangan ini akan menerima hadiah umrah bagi umat Islam manakala lawatan tempat keagamaan bagi umat bukan Islam.

Di samping itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah dan selamat bersara kepada para kakitangan yang akan menamatkan perkhidmatan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (18)

Tarikh: 11 Mac 2024

MAJLIS PENYAMPAIAN BUAH KURMA DAN PROGRAM TAUTAN KASIH

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan Majlis Sumbangan Buah Kurma kepada Ahli Majlis, Kakitangan dan Program Tautan Kasih Sempena Bulan Ramadhan 1445H. Majlis ini turut dihadiri oleh Datuk Bandar Petaling Jaya iaitu YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon di Dewan Banquet MBPJ.

Program yang diperkenalkan sejak tahun 2007 ini merupakan antara bentuk penghargaan MBPJ kepada kakitangan Majlis yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dalam menjayakan visi dan misi Majlis.

Menjelang bulan Ramadhan ini juga, Majlis akan terus kekal komited untuk menjalankan tugas-tugas harian dengan baik. Majlis juga berharap semua kakitangan akan terus bekerja dengan penuh disiplin, amanah dan bertanggungjawab terhadap tugas yang telah diberikan.

Selain menyediakan perkhidmatan dan tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial MBPJ kepada golongan B40 yang terdiri daripada golongan warga emas dan OKU. Pemberian ini juga bertujuan untuk meringankan beban atau tanggungan penerima selain dapat membantu sebagai persediaan bagi menyambut bulan Ramadhan nanti

Sehubungan dengan itu, seramai 60 penerima sumbangan Tautan Kasih ini dipilih menerusi data E-Kasih dalam kalangan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang melibatkan kawasan Petaling Jaya iaitu 50 penerima yang berstatus warga emas dan 10 penerima yang berstatus Orang Kurang Upaya (OKU). Selain itu, sumbangan wang tunai sebanyak RM300 ini juga merupakan salah satu Khidmat Komuniti dan Keprihatinan Majlis Bandaraya



Petaling Jaya terhadap warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) di Petaling Jaya dalam membantu meringankan beban penerima untuk menyambut bulan Ramadhan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (19)

Tarikh: 15 Mac 2024

PROGRAM LAWATAN DATUK BANDAR KE BAZAR RAMADHAN 2024

BIL.	PERKARA	CATATAN																																																																
1.	KEMUDAHAN BAZAR RAMADHAN 2024	<ul style="list-style-type: none">PIHAK MAJLIS TELAH MEWUJUDKAN 19 LOKASI BAZAR RAMADHAN DENGAN SEJUMLAH 1,243 PETAK.JUMLAH PERMOHONAN ADALAH SEBANYAK 924 (74.3 %) <table border="1"><thead><tr><th>BIL.</th><th>LOKASI</th><th>JUMLAH PETAK</th><th>JUMLAH PENIAGA</th></tr></thead><tbody><tr><td>1.</td><td>SS 6/1, KELANA JAYA</td><td>208</td><td>208</td></tr><tr><td>2.</td><td>TAMAN MEDAN PJS 2/3</td><td>121</td><td>101</td></tr><tr><td>3.</td><td>SEKSYEN 17/1A</td><td>60</td><td>30</td></tr><tr><td>4.</td><td>SS 8, SG WAY</td><td>80</td><td>24</td></tr><tr><td>5.</td><td>TAMAN SRI MANJA PJS 1/30</td><td>100</td><td>99</td></tr><tr><td>6.</td><td>SEKSYEN 14/27</td><td>60</td><td>24</td></tr><tr><td>7.</td><td>KG. LINDUNGAN PJS 6/3</td><td>55</td><td>15</td></tr><tr><td>8.</td><td>DESA MENTARI PJS 6/5</td><td>40</td><td>18</td></tr><tr><td>9.</td><td>SEKSYEN 8, SG JERNIH</td><td>10</td><td>2</td></tr><tr><td>10.</td><td>LEMBAH SUBANG</td><td>50</td><td>32</td></tr><tr><td>11.</td><td>KG. SG. KAYU ARA</td><td>20</td><td>5</td></tr><tr><td>12.</td><td>SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA</td><td>116</td><td>107</td></tr><tr><td>13.</td><td>SEKSYEN 7, KOTA DAMANSARA</td><td>70</td><td>47</td></tr><tr><td>14.</td><td>APARTMENT VISTA BUSINESS CENTRE, DAMANSARA DAMAI</td><td>160</td><td>136</td></tr><tr><td>15.</td><td>PRIMA DAMANSARA</td><td>20</td><td>14</td></tr></tbody></table>	BIL.	LOKASI	JUMLAH PETAK	JUMLAH PENIAGA	1.	SS 6/1, KELANA JAYA	208	208	2.	TAMAN MEDAN PJS 2/3	121	101	3.	SEKSYEN 17/1A	60	30	4.	SS 8, SG WAY	80	24	5.	TAMAN SRI MANJA PJS 1/30	100	99	6.	SEKSYEN 14/27	60	24	7.	KG. LINDUNGAN PJS 6/3	55	15	8.	DESA MENTARI PJS 6/5	40	18	9.	SEKSYEN 8, SG JERNIH	10	2	10.	LEMBAH SUBANG	50	32	11.	KG. SG. KAYU ARA	20	5	12.	SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA	116	107	13.	SEKSYEN 7, KOTA DAMANSARA	70	47	14.	APARTMENT VISTA BUSINESS CENTRE, DAMANSARA DAMAI	160	136	15.	PRIMA DAMANSARA	20	14
BIL.	LOKASI	JUMLAH PETAK	JUMLAH PENIAGA																																																															
1.	SS 6/1, KELANA JAYA	208	208																																																															
2.	TAMAN MEDAN PJS 2/3	121	101																																																															
3.	SEKSYEN 17/1A	60	30																																																															
4.	SS 8, SG WAY	80	24																																																															
5.	TAMAN SRI MANJA PJS 1/30	100	99																																																															
6.	SEKSYEN 14/27	60	24																																																															
7.	KG. LINDUNGAN PJS 6/3	55	15																																																															
8.	DESA MENTARI PJS 6/5	40	18																																																															
9.	SEKSYEN 8, SG JERNIH	10	2																																																															
10.	LEMBAH SUBANG	50	32																																																															
11.	KG. SG. KAYU ARA	20	5																																																															
12.	SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA	116	107																																																															
13.	SEKSYEN 7, KOTA DAMANSARA	70	47																																																															
14.	APARTMENT VISTA BUSINESS CENTRE, DAMANSARA DAMAI	160	136																																																															
15.	PRIMA DAMANSARA	20	14																																																															

BIL.	PERKARA	CATATAN			
		16.	JALAN KENYALANG 11/1, KOTA DAMANSARA	25	8
		17.	JALAN CEMARA SD 3/2A, BANDAR SRI DAMANSARA	20	0
		18.	JALAN MERANTI SD 13/4, BANDAR SRI DAMANSARA	70	17
		19.	JALAN PJS 8/12	26	26
		JUMLAH		1,243	924 (74.3 %)
		<ul style="list-style-type: none"> DUA (2) LOKASI BAZAR RAMADHAN SWASTA MELIBATAK SEJUMLAH 105 PETAK PADA TAHUN 2024 YANG TELAH DILULUSKAN OLEH PIHAK MAJLIS 			
		BIL.	LOKASI	JUMLAH PETAK	JUMLAH PENIAGA
		1.	MASJID AL-HUSNA, PJS 10/15	81	56
		2.	JALAN TEKNOLOGI 3/1, KOTA DAMANSARA	110	36
		JUMLAH		191	92 (48.2 %)
2.	BAZAR RAMADHAN 'DIGITAL & CLEAN' 2024	<ul style="list-style-type: none"> TEMA BAZAR RAMADHAN 2024 ADALAH 'DIGITAL & CLEAN' <p>DIGITAL</p> <ul style="list-style-type: none"> HASRAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR KE ARAH PENDIGITALAN SEKTOR MIKRO MELALUI USAHA PENDIGITALAN SISTEM PEMBAYARAN MENGGUNAKAN KAEDAH 'CASHLESS' YANG TELAH DIPERKENALKAN BERMULA TAHUN 2018. SMART SELANGOR ACTION PLAN 2022 ('SSAP 2025) YANG TELAH DIPERKENALKAN OLEH UNIT SMART SELANGOR BAGI MENGGALAKKAN PENGGUNAAN CASHLESS. PADA TAHUN 2024, PIHAK MAJLIS TELAH MEWAJIBKAN SEMUA USAHAWAN MIKRO BAZAR RAMADHAN 2024 TERMASUK BAZAR TAHUN BARU CINA DAN DEEPAVALI BAGI MELAMPIRKAN BUKTI KOD QR ('QR CODE') SEMASA PEMOHONAN LESEN PERNIGAAAN DIHANTAR. PADA TAHUN 2024, 100% USAHAWAN MIKRO BAZAR 			

BIL.	PERKARA	CATATAN
		<p>RAMADHAN TELAH MELAMPIRKAN KOD QR ('QR CODE') DAN DIJANGKA PENGGUNAAN CASHLESS DI BAZAR RAMADHAN DI 19 LOKASI BAZAR MENCAPAI 85 %.</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ PADA TAHUN INI, KERJASAMA TELAH DIJALANKAN BERSAMA PIHAK MENTERI BESAR SELANGOR (INCORPORATED) <p>CLEAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ PIHAK MAJLIS TELAH MEMBELANJAKAN JUMLAH YANG TINGGI BAGI KOS-KOS PEMBERSIHAN TERUTAMA DI LOKASI-LOKASI PASAR MALAM, BAZAR RAMADHAN DAN LAIN-LAIN INFRASTRUKTUR MAJLIS. ○ PIHAK MAJLIS BERHASRAT MENJADIKAN 19 LOKASI BAZAR RAMADHAN BERADA DALAM KEADAAN SELESA DAN KONDUSIF KEPADA PENGUNJUNG DAN SECARA TIDAK LANSUNG MENGURANGKAN KOS-KOS PEMBERSIHAN. ○ SECARA TIDAK LANSUNG MENGURANGKAN MASALAH-MASALAH HASIL DARIPADA SAMPAH:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ LONGKANG TERSUMBAT ▪ BANJIR KILAT ▪ PEMBIAKAN DENGGI ○ MEMASTIKAN PEMATUHAN KEPADA SEMUA SYARAT-SYARAT KEBERSIHAN DAN KESIHATAN DIPRAKTIKKAN OLEH SEMUA USAHAWAN MIKRO ○ TAKLIMAT BAZAR RAMADHAN 2024 SECARA BERSEMUKA DAN FIZIKAL BAGI MEMASTIKAN MAKLUMAT BERKENAAN SYARAT-SYARAT TERSEBUT DISAMPAIKAN KEPADA SEMUA USAHAWAN-USAHAWAN MIKRO BAZAR RAMADHAN 2024.
3.	SYARAT-SYARAT AM BAZAR RAMADHAN 2024	<ul style="list-style-type: none"> • MENGGUNAKAN KHEMAH BERSAIZ 8' X 8' KAKI. • HENDAKLAH MENJALANKAN PERNIAGAAN DI NOMBOR PETAK YANG TERTERA PADA PERMIT. • HENDAKLAH MENJALANKAN PERNIAGAAN PADA PETAK NIAGA BERWARNA (WARNA ADALAH MENGIKUT JENIS JUALAN) YANG DITETAPKAN OLEH PIHAK MAJLIS.

BIL.	PERKARA	CATATAN
		<ul style="list-style-type: none"> • HENDAKLAH BERNIAGA SENDIRI. TIDAK DIBENARKAN MENYEWAKAN PERMIT KEPADA ORANG LAIN (SUBLET). • PENGENDALI MAKANAN HENDAKLAH MENDAPATAKAN SUNTIKAN TY2(TYPHOID) • HENDAKLAH MENGADAKAN SEBUAH TONG SAMPAH YANG SEMPURNA. SAMPAH SARAP PERNIAGAAN BAGI TIAP-TIAP GERAI HENDAKLAH DIBUANG KE DALAM TONG SAMPAH DAN TIDAK DI ATAS JALAN ATAU KE DALAM LONGKANG. • MEMATUHI SYARAT-SYARAT AM DAN SYARAT-SYARAT KESIHATAN MAJLIS. • TIDAK DIBENARKAN MENINGGALKAN BARANG-BARANG DAN KHEMAH SELEPAS WAKTU PERNIAGAAN. • TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN PEMBUNGKUSAN MAKANAN POLISTERIN DAN DIWAJIBKAN UNTUK MENGGUNAKAN PEMBUNGKUSAN MAKANAN BIODEGREDASI.
4.	PEMANTAUAN BAZAR RAMADHAN 2024	<ul style="list-style-type: none"> • SEJUMLAH 150 KEANGGOTAAN DARI PELABAGAI JABATAN TELAH DITUGASKAN SETIAP HARI BAGI MEMANTAU KEADAAN DI DALAM DAN SEKITAR KAWASAN BAZAR RAMADHAN TERMASUK KAWASAN-KAWASAN HOTSPOT PENJAJA TANPA LESEN (PTL) • SEHINGGA 14 MAC 2024 (RAMADHAN KE-3), PIHAK MAJLIS TELAH MENGAMBIL TINDAKAN PENGUATKUASAAN SEPERTI BERIKUT :- NOTIS : 127 KOMPAUN : 133 SITAAAN : 25 ALIH KENDERAAN : 161
5.	REKOD KESALAHAN BAZAR RAMADHAN 2023	<ul style="list-style-type: none"> • SEMAKAN DI 21 LOKASI BAZAR RAMADHAN TELAH DILAKSANAKAN SECARA BERKALA SEBAGAI MEDIUM KAWALAN SERTA MEMASTIKAN BAZAR RAMADHAN BERADA DALAM KEADAAN SELAMAT DAN BERSIH. • PADA TAHUN 2023, PIHAK MAJLIS TELAH MENGAMBIL TINDAKAN KEPADA USAHAWAN-USAHAWAN MIKRO YANG GAGAL MEMATUHI SYARAT-SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN BAGI PENGOPERASIAN BAZAR RAMADHAN ANTARANYA :-

BIL.	PERKARA	CATATAN																											
		<p>NOTIS : 246 KOMPAUN : 7 SITAAN : -</p> <ul style="list-style-type: none"> JENIS-JENIS KESALAHAN YANG DIREKODKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :- <table border="1" data-bbox="719 678 1430 1843"> <thead> <tr> <th data-bbox="719 678 810 779">BIL.</th> <th data-bbox="810 678 1187 779">JENIS KESALAHAN</th> <th data-bbox="1187 678 1430 779">JUMLAH KESALAHAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="719 779 810 934">1.</td> <td data-bbox="810 779 1187 934">Tidak menyediakan tong sampah yang sesuai (bertutup dan diletakkan karung plastik)</td> <td data-bbox="1187 779 1430 934">105 (12.4 %)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 934 810 1046">2.</td> <td data-bbox="810 934 1187 1046">Tidak memakai apron, penutup kepala dan berkasut</td> <td data-bbox="1187 934 1430 1046">89 (10.5 %)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1046 810 1158">3.</td> <td data-bbox="810 1046 1187 1158">Tidak mempunyai sijil suntikan typhoid (TY2) yang sah</td> <td data-bbox="1187 1046 1430 1158">82 (9.6 %)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1158 810 1312">4.</td> <td data-bbox="810 1158 1187 1312">Menggunakan khidmat pembantu warga Malaysia yang tidak berdaftar dengan Majlis</td> <td data-bbox="1187 1158 1430 1312">35 (4.1 %)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1312 810 1467">5.</td> <td data-bbox="810 1312 1187 1467">Tidak berniaga di dalam petak yang telah dinyatakan di dalam lesen</td> <td data-bbox="1187 1312 1430 1467">25 (2.9 %)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1467 810 1579">6.</td> <td data-bbox="810 1467 1187 1579">Menggunakan ruangan melebihi satu petak/ saiz khemah melebihi 8x8</td> <td data-bbox="1187 1467 1430 1579">24 (2.8 %)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1579 810 1691">7.</td> <td data-bbox="810 1579 1187 1691">Tidak menggunakan bahan bungkusan jenis "Biodegradable"</td> <td data-bbox="1187 1579 1430 1691">10 (1.2 %)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1691 810 1843">8.</td> <td data-bbox="810 1691 1187 1843">Tidak menjual barangan yang dibenarkan oleh Majlis seperti yang tercatat di dalam lesen</td> <td data-bbox="1187 1691 1430 1843">8 (0.9 %)</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> PADA TAHUN 2024, SEMAKAN KE 19 LOKASI BAZAR RAMADHAN 2024 AKAN DITERUSKAN BAGI MEMASTIKAN STANDARD BAZAR RAMADHAN DI PETALING JAYA ADALAH YANG TERBAIK DI MALAYSIA. 	BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KESALAHAN	1.	Tidak menyediakan tong sampah yang sesuai (bertutup dan diletakkan karung plastik)	105 (12.4 %)	2.	Tidak memakai apron, penutup kepala dan berkasut	89 (10.5 %)	3.	Tidak mempunyai sijil suntikan typhoid (TY2) yang sah	82 (9.6 %)	4.	Menggunakan khidmat pembantu warga Malaysia yang tidak berdaftar dengan Majlis	35 (4.1 %)	5.	Tidak berniaga di dalam petak yang telah dinyatakan di dalam lesen	25 (2.9 %)	6.	Menggunakan ruangan melebihi satu petak/ saiz khemah melebihi 8x8	24 (2.8 %)	7.	Tidak menggunakan bahan bungkusan jenis "Biodegradable"	10 (1.2 %)	8.	Tidak menjual barangan yang dibenarkan oleh Majlis seperti yang tercatat di dalam lesen	8 (0.9 %)
BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KESALAHAN																											
1.	Tidak menyediakan tong sampah yang sesuai (bertutup dan diletakkan karung plastik)	105 (12.4 %)																											
2.	Tidak memakai apron, penutup kepala dan berkasut	89 (10.5 %)																											
3.	Tidak mempunyai sijil suntikan typhoid (TY2) yang sah	82 (9.6 %)																											
4.	Menggunakan khidmat pembantu warga Malaysia yang tidak berdaftar dengan Majlis	35 (4.1 %)																											
5.	Tidak berniaga di dalam petak yang telah dinyatakan di dalam lesen	25 (2.9 %)																											
6.	Menggunakan ruangan melebihi satu petak/ saiz khemah melebihi 8x8	24 (2.8 %)																											
7.	Tidak menggunakan bahan bungkusan jenis "Biodegradable"	10 (1.2 %)																											
8.	Tidak menjual barangan yang dibenarkan oleh Majlis seperti yang tercatat di dalam lesen	8 (0.9 %)																											

BIL.	PERKARA	CATATAN
6.	BAKUL REZEKI	<ul style="list-style-type: none"> • SEMPENA RAMADHAN 2024, PIHAK MAJLIS TELAH MEMPERKENALKAN BAKUL REZEKI DI BEBERAPA LOKASI BAZAR RAMADHAN. • BERDASARKAN KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTARIKH 13 MAC 2024, SEJUMLAH 90,000 TAN MAKANAN MASIH BOLEH DIMAKAN TETAPI DIBUANG OLEH RAKYAT MALAYSIA SEPANJANG RAMADHAN 2023 DAN JUMLAH ITU CUKUP UNTUK MEMBERI MAKAN KEPADA LEBIH 264 JUTA ORANG DENGAN SAIZ SETIAP HIDANGAN 340 GRAM. • PROGRAM INI SELAIN DARIPADA MENGELAKKAN PEMBAZIRAN ANTARANYA BERKONGSI REZEKI DAN MENYANTUNI GOLONGAN YANG KURANG BERNASIB BAIK DI BULAN RAMADHAN ANTARANYA GOLONG ASNAF, FAKIR MISKIN DAN PENDUDUK SETEMPAT. • BAGI LOKASI BAZAR RAMADHAN SS 6/1, KELANA JAYA SEJUMLAH 154 USAHAWAN MIKRO (74 %) SECARA SUKARELA TELAH MENYUMBANG BAGI PROGRAM BAKUL REZEKI 2024. • SUMBANGAN-SUMBANGAN TERSEBUT AKAN DIAGIHKAN KEPADA ASNAF DAN PENDUDUK SETEMPAT DAN PENGAGIHAN TERSEBUT AKAN DISEMPURNAKAN OLEH YBRS. DATUK BANDAR BERTEMPAT DI MASJID AL-HIDAYAH.
7.	KIT KESELAMATAN MAKANAN	<ul style="list-style-type: none"> • DENGAN KERJASAMA JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR, PIHAK KKM AKAN MENGEDARKAN PAMPHLET ANTARANYA: - <ul style="list-style-type: none"> ○ TIPS PEMILIHAN JUADAH DI BAZAR RAMADHAN (ORANG AWAM) ○ 5 PANDUAN KESELAMATAN MAKANAN (PENIAGA) • INI MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR DALAM MEMASTIKAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN BAGI MELINDUNGI ORANG AWAM. • MANDAT UNTUK KAWALAN INI DIPERUNTUKKAN DI BAWAH AKTA MAKANAN 1983 DAN PERATURAN-PERATURAN YANG BERKAITAN DI BAWAHNYA.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695